



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	6/11/2019	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Jejambat tidak halang laluan gajah

**Sandakan:** Pembinaan jambatan kedua Sukau dan jejambat bagi laluan gajah Pygmy Borneo akan diteruskan sebaik mendapat kelulusan Kabinet dalam waktu terdekat.

Bagaimanapun, jambatan berkenaan tidak lagi dibina mengikut pelan asal yang membabitkan dua fasa, sebaliknya dirancang dibina sepanjang dua kilometer (km) bermula dari tepi Sungai Kinabatangan di Sukau hingga ke Morisem.

Berbanding perancangan awal, fasa pertama membabitkan jambatan kedua Sukau sepanjang 200 meter merentasi Sungai Kinabatangan dengan kos RM73 juta, manakala fasa kedua dengan pembinaan jejambat sepanjang 1.38km dengan kos RM150 juta dibina di kawasan lot tiga santuari hidupan liar Kinabatangan yang menjadi laluan gajah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sukau, Datuk Saddi Abdul Rahman, berkata selepas kerajaan bertukar, beliau mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk meneruskan pembinaan jambatan itu

yang terkandung dalam sebahagian perancangan pembangunan Pekan Baharu Sukau.

Beliau menjelaskan, Kementerian Pembangunan Infrastruktur juga sudah bersetuju bagi meneruskan projek berkenaan demi kepentingan penduduk dan kini dalam proses untuk dibincangkan semula dalam kabinet.

"Pembinaan jejambat tidak akan mengganggu laluan gajah kerana struktur yang dibina membolehkan haiwan berkenaan melintas di bawah.

"Jambatan ini penting bukan saja untuk memudahkan urusan seharian penduduk, malah dalam aspek kesihatan, pendidikan, ekonomi dan keselamatan," katanya ketika dihubungi, di sini.

Saddi turut menegaskan beberapa pihak berkepentingan di kawasan itu termasuk Jabatan Perhutanan, Jabatan Hidupan Liar, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Tanah dan Ukur juga sudah memberi maklum balas positif terhadap cadangan meneruskan pembinaan kemudahan berkenaan.